

**Pas Selangor Tiada Halangan Sekiranya Calon Luar Diletakkan
Bernama
8 April, 2013**

SHAH ALAM, 8 April (Bernama) -- PAS Selangor tiada halangan sekiranya orang luar diletakkan sebagai calon pilihan raya di negeri itu dengan syarat orang itu mempunyai integriti tinggi dan diterima masyarakat setempat.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor, Khalid Samad berkata tindakan menurunkan calon luar sebagai calon pilihan raya sudahpun diamalkan PAS sejak sekian lama.

"Kita hendak sebaik-baiknya calon tempatan tetapi sekiranya ada calon luar yang ada integriti dan diterima masyarakat, maka benda ini akan diambil kira," katanya dalam sidang khabar di pejabatnya di sini Isnin.

Turut hadir Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Abd Rani Osman.

Khalid ditanya apakah keberkesanan meletak calon luar dan sama ada strategi itu dapat menjamin kemenangan kepada seseorang calon.

Beliau berkata pihaknya tidak mempunyai halangan sekiranya DAP mahu bertanding di atas tiket PAS di Selangor.

Sementara itu, Khalid berkata PAS Selangor kekal dengan status quo dan bertanding dalam bilangan kerusi yang sama di negeri itu sebagaimana pada pilihan raya umum 2008.

Terdapat 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor dengan PAS, PKR dan DAP masing-masing diperuntukkan 20, 21 dan 15 kerusi di negeri itu, manakala di peringkat Parlimen, PAS diperuntukkan sebanyak tujuh kerusi daripada 22 yang ditandingi.

Khalid berkata beberapa muka baru akan diperkenalkan untuk mewakili PAS dalam pilihan raya umum di negeri Selangor.

Beliau yang enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu berkata senarai calon itu akan diumumkan dalam waktu terdekat.

"Di peringkat Dewan Muslimat PAS, mungkin ada lebih ramai muka baru yang akan bertanding berbanding 2008, tapi kena tunggu PAS pusat mengumumkannya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940416>